

Objektif pembelajaran: Menjawab soalan-soalan dengan jawapan yang betul berdasarkan cerita.

Baca cerita di bawah kemudian jawab soalan-soalan.

Tajuk: Banjir di Kampung Saya



Hujan lebat turun tidak berhenti-henti selama beberapa hari di kampung saya. Air sungai di hujung kampung mulai melimpah. Akhirnya, kampung saya telah dilanda banjir. Penduduk-penduduk kampung dinasihati supaya berpindah ke tempat yang selamat. Kami sibuk memindahkan barang-barang yang penting dan berharga ke tempat yang tinggi. Selepas itu, bot-bot penyelamat membawa kami meninggalkan rumah kami. Kami ditempatkan di dalam dewan. Di dewan, semua mangsa banjir mendapat bantuan dari segi pakaian, makanan, ubat-ubatan dan barang keperluan harian. Selepas beberapa hari, air hujan mulai surut, kami dibenarkan pulang ke rumah masing-masing. Kami berasa sangat sedih melihat keadaan rumah kami yang kotor dan dipenuhi lumpur. Kami bergotong-royong membersihkan tempat kediaman kami.

1. Apakah yang terjadi kepada kampung saya?

2. Apakah nasihat yang diberikan kepada penduduk-penduduk kampung?

3. Ke manakah kami ditempatkan selepas meninggalkan rumah kami?

4. Apakah bantuan yang diberikan kepada kami semasa di dalam dewan?

5. Apakah yang kami buat setelah pulang ke rumah?
